# KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

## PEPERIKSAAN AKHIR
## SEMESTER I
## SESI 2006/07

| | | |
|---|---|---|
| NAMA MATA PELAJARAN | : | HUBUNGAN ETNIK |
| KOD MATA PELAJARAN | : | UMS 1122 |
| KURSUS | : | BET/BER/BPA/BPB/BPC/BPD |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | NOVEMBER 2006 |
| JANGKA MASA | : | 1 JAM 30 MINIT |
| ARAHAN | : | A) JAWAB **SEMUA** SOALAN DAN PADA BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.<br>B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN |

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 15 MUKA SURAT

S1 Pertemuan antara budaya secara harmonis merujuk kepada

A revolusi sosial
B penjajahan Barat
C proses pemaksaan
D pluraliti di Alam Melayu
E perang antara budaya dan tamadun

S2 Pilih pernyataan yang **bukan** ciri-ciri masyarakat plural.

A Memusnahkan pluraliti
B Pemaksaan dan perbezaan
C Perkembangan kapitalisme
D Kedatangan kuasa imperialis
E Menyerap kepelbagaian budaya

S3 Berikut adalah pluraliti di Alam Melayu **kecuali** masyarakat

A Inggeris
B Chettiar
C Nusantara
D Baba Nyonya
E Peranakan Arab

S4 Pluraliti baru adalah merujuk kepada

A masyarakat moden
B wujud kepelbagaian budaya
C masyarakat pelbagai etnik dan agama
D penubuhan parti politik sebelum merdeka
E penerimaan sebagai sebuah bangsa Malaysia

S5 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah

A asas kepada Kontrak Sosial
B simbol ketuanan etnik Melayu
C penghapusan konsep 'Son of Soil'
D persetujuan wakil-wakil Raja British
E pengenalan kepada konsep 'Jus Soli'

S6 Perlembagaan Persekutuan Malaysia merupakan dokumen penting kepada setiap warganegara **kecuali**

A Kontrak Sosial
B doktrin pengasingan wilayah
C termaktub setiap hak warganegara
D manifestasi persetujuan semua etnik
E termaktub beberapa perkara penting kepada kestabilan negara

S7 Kontrak Sosial yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah berkaitan dengan

A prinsip keadilan ekonomi
B kedudukan bangsawan Melayu
C agama Islam sebagai agama rasmi
D kedudukan istimewa ahli Parlimen
E bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua

S8 Kontrak Sosial harus dihormati oleh semua etnik di Malaysia kerana ia

A punca konflik etnik
B merupakan perkara negatif
C termaktub dalam akta Parlimen
D dilindungi di bawah Akta Hasutan 1948
E merupakan dokumen perjanjian wilayah

S9 Prinsip 'Jus Soli' merupakan ______________ yang diperakui oleh semua etnik.

A pemuafakatan politik
B manifestasi persetujuan
C manifestasi pengorbanan
D kesusilaan dan kesopanan
E konsep kewarganegaraan

S10 Peranan Bahasa Melayu bagi Persekutuan Malaysia adalah sebagai

A alat perpaduan
B aset perniagaan
C bahasa antarabangsa
D bahasa perhubungan
E bahasa sains dan teknologi

S11 Berikut adalah fungsi Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan Malaysia **kecuali**

A alat pemaksaan agama
B agama Islam boleh diamal
C agama Islam boleh disebar
D penubuhan Mahkamah Syariah
E kerajaan bebas membiayai institusi Islam

S12 Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak adalah berkaitan dengan

A menghapuskan hak etnik lain
B Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia
C pejawatan etnik bukan bumiputera dalam kerajaan
D pengiktirafan terhadap pengorbanan kerajaan British
E pindaan tidak memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu

S13 Peristiwa yang dianggap sebagai pencetus kepada pembentukan parti-parti politik di Sabah ialah

A pilihanraya yang pertama di Sabah
B kelonggaran syarat penubuhan parti di Sabah
C pengumuman berkerajaan sendiri untuk Sabah
D pengumuman cadangan penubuhan Persekutuan Malaysia 1963
E pengumuman cadangan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957

S14 Pendekatan yang sesuai dalam menyelesaikan konflik etnik ialah pendekatan

A prejudis
B stereotaip
C jarak sosial
D etnocentrisme
E undang-undang

S15 Pendekatan manakah yang **tidak sesuai** bagi sebuah negara multi etnik ?

A toleransi
B chauvanis
C perkongsian kuasa
D pengagihan ekonomi
E suasana menang-menang

S16 Apakah perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam memahami Malaysia ?

i. Demografi penduduk di Malaysia
ii. Latar belakang penjajah
iii. Demografi politik (*Malay Dominan State*)
iv. Latar belakang sosio-budaya Malaysia

A i dan iii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i, ii dan iii
E i, iii dan iv

S17 Perpaduan negara hanya wujud dalam negara sekiranya mengutamakan perkara-perkara berikut **kecuali**

A bersifat adil kepada semua etnik
B kebebasan mengamalkan agama
C pemahaman terhadap ideologi negara
D mengatasi kemiskinan secara menyeluruh
E memberi keutamaan hanya kepada pihak majoriti

o

S18 Peristiwa 13 Mei 1969 telah menyebabkan

A kekalahan Barisan Nasional
B rancangan pembangunan tanah
C desakan etnik Melayu bumiputera
D Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan
E mengurangkan perbezaan sosio ekonomi

S19 Prinsip "Kerajaan adil dan beramanah" merupakan prinsip yang terkandung dalam

A Islam Madani
B Islam Liberal
C Islam Hadhari
D Islam Hadhorah
E Hadharah Islamiah

S20 Berikut adalah asas hubungan etnik menurut Islam **kecuali**

A sahabat dan kenalan
B hormat dan memimpin
C bertemu dan berbincang
D cinta dan perhubungan intim
E kenal mengenali dan faham memahami

S21 Keharmonian dalam sebuah masyarakat dapat dilahirkan melalui fahaman

A fundamental dan toleransi
B fanatisme dan chauvanisme
C jingoisme dan etnocentrisme
D ekstrimisme dan militanisme
E radikalisme dan harmonisme

S22 'Bersatu dalam Kepelbagaian' adalah merujuk kepada

A kehidupan harmonis dan berkualiti
B tanda pengorbanan dan persaudaraan
C perbezaan dalam sesuatu konflik etnik
D satu keistimewaan dalam bermasyarakat
E rasa hormat-menghormati dalam semangat kenegerian

S23 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai masyarakat majmuk.

A Kehidupan berintegrasi
B Pertalian keturunan dan ras
C Perbezaan bidang pekerjaan
D Persamaan dalam parti politik
E Persamaan ideologi dan bangsa

S24 Dasar Pecah dan Perintah merujuk kepada

A sistem sosial yang terpisah
B parti-parti politik yang berkuasa
C sistem pendidikan yang teratur dan bermutu
D kelahiran masyarakat yang harmonis dan gigih
E usaha mewujudkan sebuah masyarakat berdaya saing

S25 Pembentukan sebuah negara bangsa dapat difahami sebagai

A perubahan demografi penduduk
B kelahiran sebuah masyarakat liberal
C pemberian semua hak asasi kepada rakyat
D rakyat tidak diidentifikasi melalui keturunan dan warna kulit
E transformasi masyarakat pertanian kepada masyarakat industri

S26 Institusi yang bertanggungjawab dalam membentuk perpaduan dan integrasi nasional ialah

A Jabatan Perdana Menteri
B Institut Integriti Nasional
C Institut Teknologi MARA
D Jabatan Perpaduan Negara
E Institut Tadbiran Awam Negara

S27 Kebudayaan asal rakyat dari rantau ini adalah merujuk kepada

A seni dan warisan pasca merdeka
B Islam dan adat Melayu Perpatih sahaja
C penerimaan kebudayaan asing secara terpilih
D teras pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
E penyerapan nilai Hindu dan Buddha secara keseluruhannya

S28 Berikut adalah ciri-ciri khas ras Caucasoid **kecuali**

i. mata besar
ii. rambut kerinting
iii. badan kecil
iv. hidung mancung

A i dan ii
B i dan iv
C ii dan iii
D i, ii dan iii
E ii, iii dan iv

S29 Berikut adalah ciri-ciri khas ras Mongoloid adalah seperti berikut

i. mata besar
ii. hidung kurang mancung
iii. bentuk muka bersegi
iv. kulit berwarna

A i dan iii
B i dan iv
C ii dan iv
D ii dan iii
E iii dan iv

S30 Apakah yang dapat kita simpulkan tentang pembangunan politik-etnik dalam konteks Malaysia ?

A Di Semenanjung Malaysia tuntutan untuk berpolitik dicetuskan oleh peristiwa Malayan Union
B Tuntutan berpolitik Sarawak dan Sabah dicetuskan oleh penubuhan Tanah Melayu 1957
C Diskriminasi oleh penjajah telah memberikan ruang kepada etnik-etnik yang terdapat di Sabah dan Sarawak untuk berpolitik
D Toleransi di Tanah Melayu melibatkan parti-parti seperti UMNO, MCA, MIC dan SUPP
E Kontrak Sosial telah membawa kepada penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

S31 Pilih pernyataan **benar** yang menggambarkan ciri masyarakat majmuk.

A Wujud 'social will' bersama
B Tiada perbezaan identiti nasional
C Terdiri daripada masyarakat pribumi
D Perbezaan ekonomi, politik dan budaya
E Hidup bersama di bawah satu sistem ekonomi

S32 Gambaran terhadap kebudayaan adalah seperti berikut

i. Bersifat semulajadi
ii. Pemikiran manusia
iii. Perlakuan manusia
iv. Diiktiraf oleh masyarakat

A i dan ii
B i dan iii
C i dan iv
D i, ii dan iv
E ii, iii dan iv

S33 Integrasi adalah merujuk kepada

A perlaksanaan proses bagi melebarkan jurang di kalangan kumpulan terpisah
B perlaksanaan proses bagi mewujudkan identiti nasional di kalangan kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi
C kaum bercampur tetapi kehidupan berasingan, interaksi terbatas, penuh prasangka serta 'bersama' tetapi tidak bersatu'
D sebuah pola yang sangat kompleks mengenai organisasi sosial, ahli-ahlinya saling bergantung dan terdapat satu panduan bagi semua tingkah laku sosial
E merujuk kepada suatu kumpulan manusia yang dicirikan oleh penumpuan dan taburan 'gen' yang tertentu

S34 Pilih persamaan yang menunjukkan pendekatan asimilasi di dalam sebuah negara

A A+B = AB
B A+B+C = D
C A+B+C = A
D A+B+C = ABC
E A+B+C = A+B+C

S35 Akulturasi juga dikenali sebagai

A segregasi
B akomodasi
C pluralisme
D amalgamasi
E asimilasi budaya

S36 Dasar British telah memberi kesan dalam pembentukan masyarakat Tanah Melayu. Dasar-dasar yang berkaitan adalah

i. Dasar Integrasi
ii. Dasar Amalgamasi
iii. Dasar Diskriminasi
iv. Dasar Pecah dan Perintah

A i dan ii
B ii, iii, iv
C ii dan iii
D iii dan iv
E i, ii dan iii

S37 Kebudayaan bukan kebendaan adalah merujuk kepada

A infrastruktur merupakan satu contoh kebudayaan ini
B objek yang dapat dilihat dan dipegang serta mempunyai harga
C cepat mengalami perubahan dan lebih mempengaruhi manusia
D memenuhi keperluan asas kasih sayang, penghargaan, sosial dan estetika
E memerlukan wang untuk mendapatkannya bagi memenuhi keperluan asas manusia

S38 Pilih perkataan yang menggambarkan perpaduan etnik yang baik

A integrasi
B oligopoli
C prasangka
D jurang sosial
E etnocentrisme

S39 Pernyataan di bawah menggambarkan kepentingan nilai dalam sesebuah masyarakat

i. menyatupadukan masyarakat
ii. mencorak tingkah laku negatif
iii. membantu perkembangan etnocentrisme
iv. membolehkan masyarakat untuk membuat pilihan

A i dan iii
B i dan iv
C i dan ii
D ii dan iii
E ii dan iv

S40 "Apabila dicadangkan kepada pemimpin Melayu bahawa perlembagaan sepatutnya menyatakan pengekalan dan perkembangan bahasa Cina dan Tamil hendaklah digalak dan dipelihara mereka bersetuju".

(Tan Siew Sin)

Kenyataan di atas merujuk kepada

A politik perkauman
B pemuafakatan intra etnik
C kelemahan orang Melayu
D pemufakatan dan toleransi
E kebijaksanaan kerajaan British

S41 Modenisasi politik merujuk kepada proses

A solidariti etno-politik
B perubahan sistem tradisi feudal beraja
C pembangunan sistem politik demokrasi
D perubahan sistem autokrasi semi demokrasi
E pilihanraya yang diterajui oleh pelbagai politik

S42 Aspek-aspek yang mempengaruhi perkembangan parti-parti politik di Malaysia ialah

A etnisiti, ras dan geografi
B geo-sosial, tamadun dan nilai
C sejarah, geografi dan demografi
D geo-politik, demo-sosial dan sejarah
E perkauman, solidariti, dan diskriminasi

S43 Politik perkauman adalah merujuk kepada

A pemecah belah Bangsa Malaysia
B penghalang pembangunan negara
C perjuangan ke arah integrasi nasional
D perjuangan ke arah kepentingan kaum sendiri
E perjuangan ke arah pemantapan semua bangsa

S44 Pilih contoh kerjasama dan pemuafakatan politik antara etnik di Malaysia

A DAP
B SUPP
C PANAS
D Barisan Nasional
E Parti Sosialis Rakyat Malaysia

S45 Integrasi politik menjurus kepada proses ke arah

A pembentukan bangsa merdeka
B pembentukan satu identiti intra nasional
C penyatuan ras dan etnik kepada dominasi
D pembentukan dan penyatuan identiti nasional
E penyatuan wilayah, daerah, jajahan dan negara

S46 Dasar Ekonomi Baru merupakan satu dasar yang dilaksanakan untuk

A memperkayakan etnik Melayu dan bumiputera semata-mata
B memperjuangkan hak-hak asasi manusia termasuk rakyat asing
C memperluaskan peluang-peluang rakyat untuk meningkatkan diri
D mendiskriminasikan etnik-etnik bukan bumiputera secara sistematik
E menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan tanpa mengira etnik

S47 Ketidakseimbangan penguasaan ekonomi di kalangan etnik berpunca dari

A Dasar Pecah Perintah semasa penjajahan British
B monopoli oleh satu etnik dalam ekonomi negara
C sistem perniagaan dan perdagangan yang tidak telus
D kegagalan perkongsian kek kekayaan ekonomi negara
E kegagalan dalam perancangan ekonomi oleh kerajaan British

S48 Perkongsian kek kekayaan ekonomi negara adalah penting kerana

A membawa kepada keadaan perpecahan dan konflik
B mengelakkan konflik antara kelas borjouis dan ploretariat
C mewujudkan satu masyarakat elit yang aman dan makmur
D memastikan negara berada dalam keadaan stabil dan harmonis
E membantu perkembangan dan kemajuan negara yang berterusan

S49 Integrasi ekonomi antara etnik di Malaysia dapat dijayakan melalui

A prinsip meritokrasi dan dekeokrasi
B prinsip oligopoli semua hala dalam ekonomi
C perkongsian pihak yang berupaya merebut peluang
D pengwujudan kronisme, nepotisme dan etnocentrisme
E pembangunan yang seimbang dan pengagihan yang saksama

S50 Berikut adalah strategi pembasmian kemiskinan **kecuali**

A mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua kaum
B melancarkan program pertanian berasaskan kepada bioteknologi
C mengurangkan perbezaan pembangunan antara etnik dan wilayah
D mewujudkan kumpulan perusahaan dan perdagangan Bumiputera
E berusaha untuk memperbaiki taraf dan kualiti kehidupan seluruh rakyat

S51 Rukun Negara merupakan ideologi negara yang diperkenalkan sebagai

A mewujudkan solidariti dan perpaduan
B memantapkan keluhuran Perlembagaan Persekutuan
C membina keyakinan diri terhadap keupayaan negara
D menyemai kesusilaan dan kesopanan perilaku rakyat
E melahirkan semangat kesetiaan kepada Raja dan Negara

S52 Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita adalah

A menggambarkan kepimpinan negara yang prihatin
B mewujudkan suasana hubungan etnik yang dinamik
C membuka ruang yang seluas-luasnya untuk berkuasa
D merupakan agenda penting dalam memantapkan negara
E merupakan prinsip yang termaktub dalam Islam Hadhari

S53 Integrasi dan perpaduan antara kaum dapat dilaksanakan melalui

A Dasar Belia Negara
B Dasar Etnik dan Ras
C Dasar Sosialis Rakyat
D Dasar Patriotik Nasional
E Dasar Pendidikan Kebangsaan

S54 Cabaran dalam melaksanakan perpaduan dan integrasi etnik di Malaysia ialah

A bahasa Melayu
B politik perkauman
C toleransi beragama
D perkahwinan campur
E persamaan identiti negara

S55 Hubungan antara etnik dapat dimantapkan melalui

A penganjuran dialog peradaban intra etnik
B pemaksaan terhadap nilai dan norma etnik lain
C pemahaman terhadap nilai dan norma etnik lain
D usaha untuk bersaing dan menampilkan egoistik
E persediaan untuk menerima kritikan dan cemuhan

S56 Kebudayaan dapat didefinisikan sebagai

A persembahan seni muzik tradisional
B sistem tamadun manusia dalam artifak
C sistem perkahwinan masyarakat Melayu
D seni mempertahankan diri masyarakat timur
E satu cara manusia mengolah kehidupan mereka

S57 Kebudayaan dalam sesuatu masyarakat dapat diidentifikasikan sebagai

A suatu kemahiran mantifak
B perlakuan manusia yang semulajadi
C sesuatu yang sukar untuk dikenalpasti
D perlakuan manusia yang dikongsi bersama
E sesuatu yang tidak diiktiraf oleh masyarakat

S58 Berikut adalah ciri-ciri kebudayaan **kecuali**

A dinamik
B diwarisi
C anugerah
D universal
E dipelajari

S59 Nilai dan norma yang dihayati dalam kehidupan manusia akan

A membina keyakinan diri
B memodenkan tingkahlaku
C membentuk prinsip individu
D membantu proses sosialisasi
E mengawal tingkahlaku positif

S60 Pernyataan "Gambaran baik atau buruk secara berlebihan yang disasarkan oleh satu etnik kepada etnik yang lain" adalah berkaitan dengan konsep

A ras
B streotaip
C jingoisme
D jarak sosial
E etnocentrisme

(100 markah)